

**Parlimen: Klinik Kesihatan Sedia Perkhidmatan Bendung Penyakit Mental - Rosnah Bernama
3 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Klinik kesihatan di seluruh negara menyediakan perkhidmatan kesihatan mental merangkumi saringan dan rawatan bagi membendung penyakit mental yang semakin meningkat setiap tahun.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata Kementerian itu juga bercadang menambah tenaga kerja dalam bidang tersebut bagi memastikan pesakit mendapat perkhidmatan terbaik.

"Perkara itu sudah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Promosi Kesihatan dan akan diberi perhatian sewajarnya," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Ismail Kassim (BN-Arau) pada persidangan Dewan Rakyat, di sini Rabu.

Rosnah berkata di peringkat global, gangguan mental dan tingkah laku dijangka meningkat dari 11 peratus kepada 15 peratus daripada beban penyakit keseluruhan menjelang 2020.

Katanya Pertubuhan Kesihatan Sedunia turut meramalkan kemurungan adalah satu gangguan mental yang menduduki tempat kedua tertinggi di bawah penyakit jantung.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699323>